

Diterima dan Kodkan pada...



PUSTAKA PERINGATAN KUALA LUMPUR  
92, Jalan Raja, 50050 Kuala Lumpur  
Tel: 2926204, 2932908, 2926194

JULAI - OGOS 1995 ▼ ISSN 0128 - 1194

# Suara

BANDARAYA

KUALA LUMPUR PERPUSTAKAAN



Dato' Dr Mazlam berminat dengan barang-barang kraftangan dalam Pameran Kraftangan Isfahan.

## Lawatan Assadollah Eratkan Isfahan-Kuala Lumpur

Lawatan Timbalan Datuk Bandar Isfahan, Amir Assadollah Zamani Rad ke Kuala Lumpur selama 11 hari telah berjaya mengukuhkan persahabatan antara Isfahan dan Kuala Lumpur. Lawatan rombongan seramai 9 orang dari Iran pada 29 April - 9 Mei 1995 itu menjadi simbol perpaduan dan persahabatan erat antara kedua-dua bandar raya itu.

Sempena lawatan rasmi rombongan Isfahan telah mengadakan pameran kraftangan yang berlangsung pada 29 April 1995 dan dirasmikan oleh Datuk Bandar, Dato' Dr Mazlan Ahmad di lobi DBKL, Jalan Duta. Antara barangan kraftangan yang dipamerkan termasuk gelas kristal, alas meja, pasu dan gambar-gambar pemandangan yang menarik di Isfahan seperti bangunan masjid yang bersejarah, sungai dan jambatan.

Majlis perasmian itu turut di hadiri oleh Ketua Pengarah, Datuk Noordin Abdul Razak dan Duta Iran ke Malaysia, Hossien Ferey Doon.

Ketika berada di Malaysia, rombongan Isfahan itu juga berpeluang melawat Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Taman Perharian Bukit Cahaya Sri Alam, Taman Rama Rama, Taman Bunga Raya, Taman Orkid, Taman Burung dan Menara Kuala Lumpur. Mereka juga membuat lawatan ke pejabat Indah Water Konsortium di Empire Tower, taklimat ringkas tentang pembuangan sisa-sisa pepejal di loji kumbahan di Taman Tun Dr Ismail, MAMC dan Jabatan Perkhidmatan Bandar di Jalan Cheras.

Pada 10 Ogos 1993 menjadi tarikh bersejarah bagi Kuala Lumpur dan Isfahan apabila Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Dr Mazlan Ahmad dan Datuk Bandar Isfahan,

Hamid Reza Azimian menandatangani Memorandum Persafahaman antara Kuala Lumpur dan Isfahan sebagai bandar raya berkembar.

Perjanjian itu membuka lembaran baru meningkatkan kerjasama Kuala Lumpur dan Isfahan dalam bidang ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, perdagangan, pembangunan dan sebagainya. Isfahan bukan sahaja terkenal kerana mempunyai bangunan yang unik dan tempat tempat bersejarah yang sentiasa menjadi tumpuan para pelancong. Bandar raya itu juga mempunyai industri industri berat seperti petroleum, besi, perusahaan tekstil dan sebagainya.

Pada dasarnya Kuala Lumpur-Isfahan bersetuju dengan cadangan mengadakan Minggu Kuala Lumpur di Isfahan pada Oktober/November setiap tahun. Minggu tersebut diisi dengan program pertunjukan

■ lihat muka 28

KUALA LUMPUR PERPUSTAKAAN DIGITAL



## EDITORIAL

### Penasihat:

Sanusi bin Samid

### Editor:

Md. Dahlan bin Md. Noor

### Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

### Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohor

### Sumbangan

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

### EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 samb. 3855 dan Fax: 2980460

### PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

### NOMBOR TELEFON DBKL

#### Ibu Pejabat

Bangunan DBKL - 2916011

Hot Line (24 Jam) - 4231127

Unit Kecemasan 24 Jam

(JPBandar) 9813434

Skuad Penyelamat 24 Jam

(DPenguatkuasaan) - 4231127

Aduan Awam - 2934531

Aduan JKAL - 2915128

Aduan JPPerumahan - 2912112

- 2911686

JPelesenan - 2984177

JP Penjaja - 2921988

DPenguatkuasaan - 4231127

JPengangkutan Bandar - 2910555

JPPerumahan - 9881177

Bhg. Keb. & Taman - 2921741

Bubalan - 4111011

Pej. Kaw. Cheras - 9711889

Pej. Kaw. Damansara - 7182277

Pej. Kawangan

Jln Kelang Lama - 7826117

Pej. Kaw. Kepong - 6272900

Pej. Kaw. Setapak - 4211142

Suara Bandaraya

Editorial / Kandungan

## Rencana Menarik

- 1 **Lawatan Assadollah Eratkan Isterikan Kuala Lumpur**  
28 **Assadollah's Visit Strengthens Ties - Kuala Lumpur**
- 2 **Kandungan / Editorial**
- 3 **Dari Meja Datuk Bandar**  
**Infrastruktur dan Pusat Perdagangan**  
**di Pinggir Bandar**  
**Infrastructure and Commercial Development**  
**- Outside City Centre**
- 4 **Kakitangan DBKL Perlu Iltizam Yang Tinggi**
- 5 **Bank Data**
- 6 **Anak Istimewa: Tagih Pengorbanan Tanpa Balas**
- 7 **Ujian Dialog Bersama Gambar**
- 8 **DBKL Tumpuan Pelajar Cuti Semester**
- 9 **Ismail Bakar Menyerlah**
- 10 **DBKL Hantar Pegawai ke Sarajevo**
- 11 **DBKL Sends Officers to Sarajevo**  
**Peti Cadangan**
- 12 **Skuad Penyelamat: Tugas Mencabar**
- 13 **Rescue Squad - Challenging Tasks**
- 14-15 **Album Bandaraya**
- 16 **Pasar Borong KL Lebih Selesa**
- 17 **Convenience at the KL Wholesale Market**
- 18 **Kamar Khidmat Cemerlang**
- 19 **MOGANA: Ratu Maraton**
- 20 **Carta Organisasi DBKL**
- 21 **Kenaikan Pangkat dan Pertukaran Pegawai**
- 22 **Selamat Datang Dato' Dr Ibrahim Saad**
- 23 **Sajak - Hijrah**
- 24-25 **Ruangan Agama - Kejujuran**
- 26 **Mahkamah Majistret DBKL Selesaikan Kes Tertunda**
- 27 **City Hall Magistrate Court Solves Deadlocked Cases**





## Infrastruktur Pusat Perdagangan di Pinggir Bandar



Kuala Lumpur membangun dengan amat pesat sejak dua dekad lalu selari dengan pembangunan ekonomi negara. Bilangan penduduk juga bertambah dengan cepat dengan kadar pertumbuhan kira-kira 4.5 peratus setahun, iaitu melalui kelahiran dan penghijrahan. Pembangunan sering dikaitkan dengan bertambahnya kesesakan lalulintas. DBKL telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan taraf infrastruktur bagi mengimbangi pembangunan.

Tahun 1994 terdapat 860,000 unit kenderaan bermotor di daftar di Wilayah Persekutuan dan tiap-tiap hari sebanyak 1 juta unit kenderaan memasuki Kuala Lumpur melalui jalan-jalan utama. Bilangan ini akan terus bertambah selari dengan pertumbuhan

ekonomi negara sebanyak lapan peratus setahun dan keadaan ini mengakibatkan kesesakan di atas jalan-jalan raya Kuala Lumpur yang berjumlah 1097 km itu.

Tahun 1995, DBKL dijangka akan membelanjakan RM93.4 juta bagi pebagai pembaikan sistem jalan raya di Kuala Lumpur seperti penurapan, pelebaran dan membaiki jalan-jalan lama. Di samping itu membina dan membaiki jalan-jalan lama yang sempit dan tidak kukuh serta membina jejambat serta jejantas untuk membaiki aliran lalu lintas.

Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh DBKL untuk mengurangkan kesesakan di jalan raya ialah membaiki taraf jalan utama, pembinaan jalan baru sebagai alternatif untuk pengguna mengelakkan laluan di pusat bandar, lingkaran tengah dan laluan LRT yang telah diwastakan melalui konsesi oleh kerajaan pusat.

Program ini bertujuan melengkapkan infrastruktur yang setaraf dengan pembangunan sektor hartanah. Program ini sudah pasti menuntut kos yang tinggi

terutama bagi pembelian balik tanah serta pembinaan jalan. Kerajaan tidak mampu untuk memulaukan keseluruhan kos pembangunan. Kerajaan berpendapat kos meningkatkan infrastruktur ini perlu dikongsi bersama antara kerajaan dan pihak-pihak yang akan menerima faedah hasil program berkenaan, termasuk pembayar pajak tanah serta pemilik premis.

Pada masa ini permintaan terhadap pembangunan perdagangan sering ditumpukan di pusat bandar yang mempunyai nilai dan prestij yang tinggi. Memandangkan penawaran tanah yang terhad di kawasan pusat bandar, maka para pelabur hartanah telah mengambil langkah berani untuk melaburkan harta mereka di luar kawasan pusat seperti Sentul, Wangsa Maju dan Cheras.

Dengan adanya kemudahan membeli belah di kawasan tersebut, wargakota tidak perlu lagi ke pusat bandar Kuala Lumpur untuk membeli belah kerana segala kemudahan tersebut telah sedia ada di sini. Secara tidak langsung kesesakan lalulintas di pusat bandar dapat dikurangkan.

## Infrastructure and Commercial Development - Outside City Centre

*Kuala Lumpur has developed rapidly the last 2 decades in tandem with national economic growth. The population has also increased at the rate of 4.5% per annum through birth and migration. Development is frequently associated with the increased traffic jams. DBKL has taken a number of measures to improve the infrastructure to finance the development.*

*In 1994 there were 860,000 units of motor vehicles registered in Wilayah Persekutuan and every day about 1 million vehicles entered Kuala Lumpur through the main roads. The number will continue to increase in tandem with economic growth of the nation at 8% per year and this situation will result in traffic congestion on the roads in Kuala Lumpur totaling 1097 km.*

*In 1995, DBKL is expected to spend RM 93.4 million for various road system upgrading in Kuala Lumpur and repair of existing roads. Besides that, road repairs and improvement to existing roads that are narrow and unstable together with construction of viaducts and pedestrian overhead crossings to alleviate the traffic flow.*

*Amongst the measures that have been adopted and will be adopted by DBKL to alleviate traffic congestion are to improve the status of the major roads, construction of alternative new roads for use to avoid the city. Middle ring circular roads and the LRT transport that has been privatised through concession by the Federal Government.*

*This program aims to provide complete infrastructure complementing the property development. This programme is bound to incur high costs including land acquisition and*

*road construction costs. The government will not be able to finance all these costs. The government views that these costs of upgrading the infrastructure should be shared between the government and the parties who will benefit from these programmes including the developers, land and property owners.*

*At the present time, demand for commercial development is concentrated within the city that has high and prestige values. Due to the limited availability of land within the city property investors have taken bold steps to invest outside the city centre such as Sentul, Wangsa Maju and Cheras.*

*With the availability of shopping facilities in these areas, city folks no more need to come into the city for shopping, as all these facilities are available there. Indirectly, traffic congestion within the city can be reduced.*